

24 OCT 1999

BN-Jubli (Negeri-negeri)

SAMBUTAN JUBLI PERAK BN MENUNJUKKAN SOKONGAN PADU RAKYAT

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Sambutan jubli perak Barisan Nasional (BN) menyaksikan sokongan padu rakyat di seluruh negara dengan di Stadium Nasional, Bukit Jalil sahaja lebih 100,000 orang menyertai perhimpunan raksasa.

Sambutan di negeri-negeri lain juga menyaksikan penyertaan yang memberangsangkan daripada rakyat sehinggakan di KANGAR, hujan tidak menghalang kira-kira 30,000 orang daripada menghadiri sambutan peringkat negeri Perlis di Stadium Utama malam ini.

Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim bangga dengan semangat anggota-anggota parti komponen yang membanjiri stadium berkenaan untuk mendengar amanat Perdana Menteri yang disiarkan secara langsung ke seluruh negara.

Tanpa menghiraukan hujan, mereka mendengar ucapan Dr Mahathir yang dipancarkan melalui layar raksasa di stadium berkenaan dan sebelum itu mereka mendengar ucapan Shahidan dan para pemimpin parti komponen BN di negeri itu.

Sambutan ulang tahun ke 25 BN di negeri itu diserikan lagi dengan persembahan kesenian serta bunga api dan orang ramai turut berpeluang memenangi kira-kira 2,000 cabutan bertuah yang antara lain menawarkan seekor lembu, dua ekor kambing, ayam katek, barangan elektrik dan basikal.

Di KUCHING, lebih 12,000 orang menyertai sambutan jubli perak BN peringkat negeri Sarawak di Stadium Perpaduan dengan Tan Sri Alfred Jabu berucap mewakili Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Jabu yang juga Timbalan Ketua Menteri dalam ucapannya berkata BN Sarawak mahu rakyat memberi sokongan penuh kepadanya dalam pilihan raya umum akan datang.

"BN sedia memperbaiki kelemahan yang ada dan mahu elakkan kesilapan daripada berulang," kata Jabu yang juga Timbalan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB).

Selain PBB parti komponen BN Sarawak yang lain ialah Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan Parti Kebangsaan Sarawak.

Di KUALA TERENGGANU, Pengerusi BN negeri Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad semasa berucap pada majlis sambutan itu di Stadium Negeri berkata, anggota-anggota BN perlu mengekalkan perpaduan yang diwujudkan sejak parti itu ditubuhkan serta memastikan keharmonian dan keamanan berkekalan generasi demi generasi.

Menteri Besar Terengganu itu berkata perjuangan yang dilalui oleh kepimpinan BN dahulu perlu diambil iktibar oleh generasi sekarang, bagaimana mereka berjuang dan membangunkan negara sejak dari zaman sebelum dan selepas merdeka secara bersama tanpa mengira perbezaan agama dan bangsa.

Pada majlis itu juga BN negeri mengedarkan 500,000 risalah '42 Dalil mengapa Pas tidak boleh memerintah' kepada semua wakil parti itu untuk diagihkan kepada anggotanya di peringkat bahagian dan cawangan seluruh negeri.

Para hadirin juga dipersembahkan dengan acara kesenian yang merangkumi tiga bangsa utama di negeri ini iaitu Melayu, Cina dan India.

Di SUNGAI PETANI yang menjadi tuan rumah kepada sambutan Jubli Perak BN peringkat negeri Kedah menyaksikan lebih 2,000 orang termasuk Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid, yang juga Pengerusi BN Kedah menyertai sambutan itu.

Walaupun hujan turun semasa acara itu berlangsung, orang ramai tidak berganjak dari kerusi masing-masing bagi mengikuti ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ucapan kedua-dua pemimpin itu disiarkan secara langsung oleh RTM melalui sebuah skrin besar.

Pertunjukan kebudayaan pelbagai kaum turut dipersembah.

Di IPOH, lebih 15,000 penyokong BN yang memenuhi bahagian dalam dan luar Stadium Indera Mulia di sini untuk menyertai sambutan ulangtahun itu sekali lagi diingatkan bahawa mereka tidak mempunyai pilihan yang lebih baik daripada BN yang telah banyak memajukan negara.

Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib selaku pengerusi BN negeri dalam ucapannya berkata parti pembangkang tidak layak memerintah negara kerana mereka terbukti mengamalkan pembohongan dan sering berdusta kepada rakyat.

Ramli yang ditemui selepas ucapan Presiden BN yang ditayang secara langsung di layar besar di stadium itu berkata ucapan Dr Mahathir memberi semangat baru kepada rakyat terutamanya penyokong untuk meneruskan perpaduan dan kemajuan yang dicapai menerusi kepimpinan BN.

"Kita juga harap mereka di luar sana (pembangkang) supaya tidak terus menafikan jasa bakti yang dibawa kerajaan BN kerana jika mereka terus nafikan memang mereka buta dan tuli," katanya.

Di KOTA BAHARU, kira-kira 30,000 orang menghadiri sambutan peringkat negeri Kelantan di Kompleks Yayasan Kemiskinan Kelantan di Peringat, dekat sini, malam ini.

Orang ramai turut menyaksikan siaran langsung sambutan meriah peringkat kebangsaan melalui beberapa buah televisyen dan skrin besar yang dipasang di sekitar kompleks berkenaan.

Walaupun hujan turun renyai-renyai, mereka tidak berganjak untuk mendengar amanat yang disampaikan oleh Dr Mahathir dan turut serta melafazkan ikrar BN.

Yang turut hadir pada sambutan itu ialah Pengerusi BN Kelantan Datuk Annuar Musa, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah, Naib Pengerusi BN Kelantan Datuk Mustapa Mohamed, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Ibrahim Ali, pemimpin MCA dan MIC Kelantan.

Tengku Razaleigh yang berucap di akhir sambutan itu, mengesa anggota BN supaya bersatu padu agar segala cita-cita untuk memajukan rakyat dan negara dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Beliau mahu rakyat mengambil iktibar daripada peristiwa 13 Mei, bahawa negara akan hancur sekiranya keadaan dalam negara tidak aman.

Sehubungan itu, beliau meminta anggota-anggota Umno menghindarkan segala perselisihan dengan menyelesaikan sebarang masalah yang timbul secara muafakat, dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Rakyat juga diminta membuat perubahan dengan memilih BN pada pilihan raya umum ini memandangkan kerajaan negeri pimpinan PAS sekarang gagal membawa pembangunan dan kemajuan.

Beliau berkata kerajaan BN yang diterajui oleh Umno telah terbukti berjaya membangunkan negara dan memberi kemakmuran kepada rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

-- BERNAMA

BD PR